
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AKW 1041 AKW 102 • Perakaunan dan Kewangan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH EMPAT** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensel 26. Jawapan yang salah atau tidak dijawab akan ditolak 0.25 markah.

KERTAS SOALAN TIDAK BOLEH DI BAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

1. Jumlah di dalam kolumn pelarasan lembaran kerja:
 - (a) adalah pembetulan imbangan **duga** yang **asal**.
 - (b) adalah lanjutan kepada kolumn penyata pendapatan atau kolumn kunci kira-kira lembaran kerja.
 - (c) mewakili perbezaan diantara jumlah imbangan **duga** sebelum pelarasan dengan jumlah imbangan **duga** selepas pelarasan.
 - (d) menggantikan catatan pelarasan dalam jumlah am.
 - (e) jawapan lain.
2. Hasil perkhidmatan belum perolehi mempunyai baki RM800 kurang dalam kolumn kredit lembaran kerja daripada kolumn kredit imbangan **duga**. Daripada maklumat ini, ianya **boleh ditentukan** bahawa:
 - (a) hasil perkhidmatan belum perolehi telah dikreditkan RM800 dalam kolumn pelarasan.
 - (b) hasil perkhidmatan telah didebitkan RM800 dalam kolumn pelarasan.
 - (c) hasil perkhidmatan telah dikreditkan **RM800** dalam kolumn pelarasan.
 - (d) hasil perkhidmatan **belum** perolehi telah dikreditkan **RM800** dalam kolumn pelarasan **timbang duga**.
 - (e) jawapan lain.
3. Hasil bejumlah **RM10,200**, belanja berjumlah **RM7,300** dan akaun ekuiti pemilik mempunyai baki **RM2,600**. Berapakah baki dalam akaun ringkasan pendapatan selepas semua catatan penutup telah dibuat?
 - (a) **RM2,600** kredit.
 - (b) **RM2,900** debit.
 - (c) **RM2,900** kredit.
 - (d) **RM2,600** debit.
 - (e) RMO.

Jadual I

| Maklumat perakaunan Zurinawati adalah seperti berikut: | |
|--|-----------|
| Tunai | RM 11,000 |
| Akaun Belum Bayar | 8,000 |
| Akaun Belum Terima | 5,500 |
| Gaji Belum Bayar | 6,300 |
| Bekalan | 1,200 |
| Hasil Belum Perolehi | 2,200 |
| Sewa Pra-Bavar | 4,600 |
| Gadaijanji Belum Bayar | 5,500 |
| Kelengkapan | 22,000 |
| Modal | 19,900 |
| Susutnilai Terkumpul, Kelengkapan | 6,100 |
| Hasil Perkhidmatan | 29,000 |

| | |
|-------------------------------|--------|
| Belanja Gaji | 8,000 |
| Perabut | 12,000 |
| Susutnilai Terkumpul, Perabut | 4,000 |
| Belanja Susutnilai | 6,800 |
| Belanja Utiliti | 4,300 |
| Belanja Sewa | 5,600 |

4. Berpandukan Jadual I, aset semasa dan jumlah aset adalah:
- (a) RM22,300 dan RM56,300.
(b) RM22,300 dan RM66,400.
(c) RM22,300 dan RM46,200.
(d) RM12,200 dan RM46,200.
(e) Jawapan lain.
5. Berpandukan Jadual I, nisbah semasa adalah:
- (a) 1.01.
(b) 0.84.
(c) 0.74.
(d) 1.35.
(e) Jawapan lain.
6. Berpandukan Jadual I, nisbah hutang adalah:
- (a) 0.48.
(b) 0.99.
(c) 0.36.
(d) 1.11.
(e) Jawapan lain.
7. Fakta penting berkenaan perakaunan **asas** akruan adalah:
- (a) catatan pelarasian tidak diperlukan.
(b) keberkesanan kejadian pembiagaan tidak diiktiraf apabila tunai diterima atau dibayar.
(c) keberkesanan kejadian pembiagaan diiktiraf apabila ianya berlaku.
(d) (a) dan (c) adalah betul.
(e) jawapan lain.
8. Prinsip pemandangan adalah **asas bagi** merekodkan:
- (a) hasil-hasil.
(b) belanja-belanja.
(c) **aset-aset**.
(d) belanja-belanja akruan.
(e) jawapan lain.

9. Prinsip perakaunan yang menerangkan kepada akauntan bila untuk merekod dan dalam amaun berapa dipanggil:
- (a) prinsip pemandangan.
 - (b) konsep tempoh masa.
 - (c) prinsip hasil.
 - (d) prinsip berterusan.
 - (e) jawapan lain.
10. Pada 1 September, 2000, Syarikat Tiga Adik Beradik Angelia membayar RM27,000 tunai untuk sewa selama 6 bulan. Baki dalam sewa bayar dulu pada 31 Disember, 2000 adalah selepas pelarasan:
- (a) RM4,500.
 - (b) RM27,000.
 - (c) RM9,000.
 - (d) RM18,000.
 - (e) Jawapan lain.
11. Syarikat Perjalanan Ainun merekod hasil belum perolehi RM35,000 dalam tahun ini. Baki akhir dalam hasil belum perolehi adalah RM 18,500. Catatan pelarasan akan melibatkan:
- (a) debit kepada hasil perkhidmatan sebanyak RM18,500.
 - (b) debit kepada hasil perkhidmatan sebanyak RM 16,500.
 - (c) kredit kepada hasil perkhidmatan sebanyak RM 16,500.
 - (d) kredit kepada hasil perkhidmatan sebanyak RM 18,500.
 - (e) jawapan lain.
12. Syarikat perkhidmatan Andy merekod bayaran tunai RM500 bagi satu belanja akruan dahulu dan RM325 bagi satu belanja akruan dahulu yang lain. Kesan kedua-dua catatan ke atas jumlah belanja dan pendapatan bersih adalah:
- | <u>Jumlah Belanja</u> | <u>Pendapatan Bersih</u> |
|-----------------------------|-----------------------------|
| a) Bertambah sebanyak RM825 | berkurangan sebanyak RM325. |
| b) Bertambah sebanyak RM825 | berkurangan sebanyak RM825. |
| c) Bertambah sebanyak RM325 | berkurangan sebanyak RM325 |
| d) Bertambah sebanyak RM325 | berkurangan sebanyak RM825 |
| e) Jawapan lain. | |
13. Ekuiti pemilik dan jumlah **aset** adalah RM32,000 dan RM79,000 di awal tempoh. Aset bertambah 50% dan liabiliti berkurangan 60% dalam tempoh. Berapakah ekuiti pemilik diakhir tempoh?
- (a) RM47,000.
 - (b) RM43,300.
 - (c) RM99,700.
 - (d) RM105,700.
 - (e) Jawapan lain.

Jadual II

| | |
|--|----------|
| Berikut merupakan senarai baki akaun-akaun Syarikat Alisa (SA) pada 31 Disember, 2000. | |
| Akaun Belum Terima | RM10,000 |
| Akaun Belum Bayar | 3,500 |
| Belanja Gaji | - 4,500 |
| Belanja Membaiki | 800 |
| Trak | 8,500 |
| Kelangkapan | 6,300 |
| Nota Belum Bayar | 3,200 |
| Tunai | 6,800 |
| Belanja Bekalan | 1,600 |
| Hasil Perkhidmatan | 12,800 |
| Belanja Petrol | 800 |
| Gaji Belum Bayar | 1,100 |

Pemilik SA melabur RM22,600 di awal tahun dan ambilan adalah RM3,900 dalam tahun tersebut.

14. Merujuk kepada Jadual II, pendapatan bersih **atau** kerugian bersih adalah:
 - (a) RM12,800.
 - (b) RM5,100.
 - (c) RM5,900.
 - (d) RM7,700.
 - (e) Jawapan lain.
15. Merujuk kepada Jadual II, jumlah **aset pada** 31 Disember, 2000 adalah:
 - (a) RM31,600.
 - (b) RM32,700.
 - (c) RM36,200.
 - (d) RM39,400.
 - (e) Jawapan lain.
16. Merujuk kepada Jadual II, **aset bersih pada** 31 Disember, 2000 adalah:
 - (a) RM7,800.
 - (b) RM23,800.
 - (c) RM22,600.
 - (d) RM18,700.
 - (e) Jawapan lain.

17. Merujuk kepada Jadual II, penyata ekuiti pemilik akan menunjukkan baki akhir modal sebanyak
- (a) RM22,600.
(b) RM3,900.
(c) RM1,200.
(d) RM23,800.
(e) Jawapan lain.
18. Merujuk kepada Jadual II, perubahan bersih dalam ekuiti pemilik bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 adalah:
- (a) pertambahan RM1,200.
(b) pengurangan RM1,200.
(c) pertambahan RM8,900.
(d) pertambahan RM18,700.
(e) jawapan lain.

Soalan berikut meliputi soalan 19 hingga 23.

Berikut adalah penyata penyesuaian bank yang tidak lengkap Pengangkutan Ah Rhong (PAR) pada 31 Disember, 2000 serta juga maklumat tambahan bagi menjawab soalan-soalan berkaitan dengannya.

Pengangkutan Ah Rhong
Penyata Penyesuaian Bank
31 Disember, 2000

| | |
|--|-----------|
| Baki seperti penyata Bank Bumiputra Commerce Berhad (BBCB) | RM179,305 |
| Campur: | (1) |
| Tolak: | (2) |
| | |
| Baki tunai terlaras | RM |
| | |
| Baki seperti rekod PAR | RM80,879 |
| Campur: | (3) |
| Tolak: | (4) |
| | |
| Baki tunai terlaras | RM |
| | |

Maklumat tambahan:

- (a) cek-cek belum tuntut bemombor:

| | |
|--------|---------|
| 700029 | RM3,250 |
| 700047 | 1,250 |
| 700052 | 5,070 |

- (b) cek nombor 700042 (untuk bekalan) adalah sebanyak RM777 tetapi tersilap direkod sebagai RM772.
(c) cek luar (daripada Temerloh) yang didepositkan adalah RM27,401 dan ianya belum dikreditkan dalam penyata bank.
(d) nota belum terima yang dikutip oleh BBCB dan dikreditkan ke akaun PAR adalah RM1 27,162.
(e) cek lambung George Bros (seorang pelanggan PAR) adalah sebanyak RM888.
(f) caj perkhidmatan BBCB bulan Disember 2000 adalah RM1 2.
19. Di dalam penyata penyesuaian bank yang disediakan pada 33 Disember 2000, berapakah jumlah yang sepatutnya ditolak daripada baki seperti penyata bank (ditunjukkan sebagai 2 di dalam penyata penyesuaian bank)?
(a) RM27,401.
(b) RM9,570.
(c) RM117,162.
(d) RM905.
(e) Jumlah lain.
20. Di dalam penyata penyesuaian bank yang siap pada 31 Disember 2000, berapakah jumlah yang sepatutnya dicampur kepada baki seperti rekod PAR (ditunjukkan sebagai 3 di dalam penyata persesuaian bank)?
(a) RM27,401.
(b) RM9,570.
(c) RM1 17,162.
(d) RM905.
(e) Jumlah lain.
21. Di dalam penyata penyesuaian bank yang siap pada 31 Disember 2000, berapakah jumlah yang sepatutnya ditolak daripada baki seperti rekod PAR (ditunjukkan sebagai 4 di dalam penyata persesuaian bank)?
(a) RM27,401.
(b) RM9,570.
(c) RM117,162.
(d) RM905.
(e) Jumlah lain.
22. PAR menyimpan RM500 tunai dalam tangan sebagai tambahan kepada akaun semasa dan tidak mempunyai lain-lain akaun bank atau persamaan tunai. Berapakah jumlah yang akan ditunjukkan sebagai tunai dalam kunci kira-kira PAR pada 3 I Disember, 2000?
(a) RM197,636.
(b) RM27,901.
(c) RM117,162.
(d) RM179,805.
(e) Jumlah lain.

23. Pelarasan yang diperlukan kepada rekod perakaunan PAR **seperti** pada 31 Disember 2000 termasuklah:

- (a) pertambahan kepada tunai RM134,088.
- (b) pertambahan kepada tunai RM260,184.
- (c) pertambahan kepada tunai RM116,257.
- (d) pengurangan kepada tunai RM10,475.
- (e) pengurangan kepada tunai RM905.

Soalan berikut meliputi soalan 24 hingga 29.

Diakhir tahun 2000, Pusat Sukan Stella Buda (PSSB) mempunyai barang bernilai RM420,000 dalam inventornya. Dalam Januari 2000, PSSB membeli barang berharga RM186,000 dan menjual barangannya sebanyak RM162,000.

Berdasarkan maklumat di atas, pilih iawapan terbaik sekiranya PSSB menggunakan kaedah inventor-i berterusan untuk soalan 24 hingga 29.

24. Jumlah di debitkan ke akaun inventori dalam Januari 2000 adalah:

- (a) RMO.
- (b) RM162,000.
- (c) RM 186,000.
- (d) RM606,000.
- (e) Jawapan lain.

25. Baki dalam akaun inventori-i pada 31 Januari 2000 adalah:

- (a) RM186,000.
- (b) RM420,000.
- (c) RM444,000.
- (d) RM606,000.
- (e) Jawapan lain.

26. Jumlah kos yang dipindahkan daripada akaun inventori kepada akaun kos barangniaga dijual dalam Januari 2000 adalah:

- (a) RMO.
- (b) RM162,000.
- (c) RM186,000.
- (d) RM606,000.
- (e) Jawapan lain.

Dalam soalan 27 hingga 29, dalam memilih jawapan terbaik, anggapkan pula PSSB menggunakan kaedah inventori-i berkala disini dan mengira inventori-fisikal hanya di akhir tahun.

27. Jumlah yang didebitkan ke akaun inventori-i dalam Januari 2000 adalah:
- (a) RMO.
 - (b) RM162,000.
 - (c) RM1 86,000.
 - (d) RM606,000.
 - (e) Jawapan lain.
28. Baki dalam akaun inventori-i pada 31 Januari 2000 adalah:
- (a) RM186,000.
 - (b) RM420,000.
 - (c) RM444,000.
 - (d) RM606,000.
 - (e) Jawapan lain.
29. Jumlah kos yang dipindahkan daripada akaun inventori kepada akaun kos barang niaga dijual dalam bulan Januari 2000 adalah:
- (a) RMO.
 - (b) RM162,000.
 - (c) RM1 86,000.
 - (d) RM606,000.
 - (e) Jawapan lain.
30. Tahap tinggi rendah buruh **langsung** dalam jam dan jumlah overhed pengilangan Anan adalah ditunjukkan dibawah:

| | Buruh langsung dalam jam | Jumlah overhed pengilangan |
|-----------------|-----------------------------|-------------------------------|
| Tahap tertinggi | 4,000 | RM12,000 |
| Tahap terendah | 1,000 | 6,000 |

Bahagian tetap jumlah overhed pengilangan **Anan** adalah lebih kurang:

- (a) RM8,000.
- (b) RM4,000.
- (c) RM2 sejam buruh langsung.
- (d) RM4,000 campur RM2 jam buruh langsung.
- (e) Jawapan lain.

31. Istilah persamaan tunai dirujuk kepada:
- (a) sesuatu perkara seperti kiriman wang, cek pengembara, ataupun cek daripada pelanggan.
 - (b) pelanggan yang boleh dipercayai yang selalu membayar bil-bilnya dalam tempoh diskaun.
 - (c) sesuatu barisan kredit terjamin dibank syarikat.
 - (d) pelaburan jangka pendek tersangat cair.
 - (e) tiada jawapan betul.
32. Yang manakah daripada berikut bukan objektif pengurusan tunai berkesan?
- (a) Bagi mengelakkan kekurangan tunai supaya bayaran wajib boleh dibuat tepat pada masanya.
 - (b) Bagi mengelakkan jumlah tunai berlebihan dalam akaun semasa.
 - (c) Bagi menghapuskan keperluan meminjam tunai oleh pembiagaan pada bila-bila masa.
 - (d) Bagi mengelakkan kerugian daripada kecurian atau penipuan.
 - (e) Tiada jawapan betul.
33. Margin sumbangan produk A dan produk B adalah RM7 dan RM6. Jumlah belanja tetap adalah **sama** walaupun **salah** satu produk tadi dikeluarkan. Yang mana dari kenyataan berikut adalah betul?
- (a) Nisbah margin sumbangan adalah lebih tinggi bagi produk A dari produk B.
 - (b) Sekiranya syarikat bercadang mengeluarkan hanya satu produk, titik pulang modal dalam unit akan menjadi lebih rendah bagi produk A dari produk B.
 - (c) Margin sumbangan sejam buruh langsung adalah lebih tinggi bagi produk A dari produk B.
 - (d) Sekiranya jualan adalah RM600,000 tanpa mengira produk mana yang dijual, adalah lebih menguntungkan menjual produk A dari produk B.
 - (e) Jawapan lain.
34. Penyata kewangan yang menunjukkan aktiviti tunai (penerimaan dan pembayaran) semasa tempoh perakaunan dipanggil:
- (a) penyata bank.
 - (b) penyata pendapatan.
 - (c) penyata **aliran tunai**.
 - (d) penyesuaian bank.
 - (e) kunci kira-kira.

35. Kecekapan pengurusan tunai tidak melibatkan:
- (a) pinjaman wang.
 - (b) mempunyai satu jabatan untuk mengendalikan semua aspek urusniaga tunai.
 - (c) semakan berterusan ke atas ramalan tunai.
 - (d) melabur didalam sumber-sumber cair dari pelbagai akaun bank dan persamaan tunai.
 - (e) tiada jawapan betul.
36. Perbezaan fundamental diantara **aset** ketara dan **aset** bukan ketara adalah:
- (a) saiz **aset**.
 - (b) nilai **aset**.
 - (c) kedua-dua, saiz dan nilai **aset**.
 - (d) terdapat cirian fisikal.
 - (e) tiada jawapan betul .
37. Tujuan mengadakan **dana tunai runcit** adalah:
- (b) mengadakan kawalan dalaman ke atas pembayaran tunai secara kecilan yang tidak dibuat melalui cek.
 - (c) mengikuti perkembangan perbelanjaan yang dibayar melalui penerimaan tunai daripada pelanggan sebelum jumlah tadi didepositkan.
 - (d) memastikan semua jumlah tunai dalam bank tidak berlebihan.
 - (e) menyimpan tunai secukupnya didalam pejabat bagi membayar semua belanja kendalian normal pembiayaan untuk tempoh perakauman.
 - (f) memudahkan pinjaman peribadi dibuat dari masa ke masa oleh kakitangan syarikat .
38. Peruntukan akaun ragu mewakili:
- (a) tunai diasingkan bagi menampung kerugian-kerugian hutang lalu.
 - (b) jumlah akaun belum dikutip dihapuskan sehingga kini.
 - (c) perbezaan diantara jumlah jualan kredit dan kutipan di atas jualan kredit.
 - (d) perbezaan diantara nilai muka akaun belum terima dan nilai boleh realis bersih akaun belum terima.
 - (e) tiada jawapan betul.
39. Nilai masa hadapan pelaburan sebanyak RM1 00 yang memperolehi pulangan tahunan 10% selama 3 tahun adalah:
- (a) RM110.00.
 - (b) RM121.20.
 - (c) RM133.10.
 - (d) RM136.50.
 - (e) RM130.00.

40. Nilai semasa sebanyak RM121 yang akan diterima dalam 2 tahun akan datang serta didiskaunkan pada kadar tahunan 10% adalah:
- (a) RM91.90.
(b) RM96.80.
(c) RM100.00.
(d) RM1 10.00.
(e) RM121.00.
41. Anda diberikan harga katalog RM1,300, diskaun perniagaan 25, 20 dan 10 peratus dan diskaun tunai 2/10, n/30, harga jualan kasar bagi barang ini apabila dijual adalah:
- (a) RM702.
(b) RM688.
(c) RM1,274.
(d) RM715.
(e) RM845.
42. Pada 25 Oktober, barang telah dijual pada harga invois RM20,160 bersyarat 2/10, n/30. Sebahagian daripada barang telah rosak dalam transit dan penjual telah memberi kredit sebanyak RM1,800. Berapakah kredit dalam akaun belum bayar apabila invois dibayar penuh pada 3 November?
- (a) RM17,992.
(b) RM19,756.
(c) RM17,956.
(d) RM18,360.
(e) RM20,160.
43. Sebuah trak berharga RM30,000, anggaran usiaguna selama 4 tahun, anggaran nilai sisaan sebanyak RM2,000 disusutnilaikan dengan kaedah baki berkurangan berganda. Berapakah baki Susutnilai Terkumpul dan nilai buku selepas tahun kedua trak digunakan?
- (a) RM22,500 dan RM7,500.
(b) RM22,500 dan RM5,500.
(c) RM2 1,000 dan RM7,000.
(d) RM2 1,000 dan RM9,000.
(e) Tiada jawapan betul.
44. Kos barangniaga dijual Syarikat Adie adalah RM6,000 juta. Inventori akhir RM2,500 juta dan purata inventori-i RM2,000 juta. Pusinganti inventori adalah:
- (a) 2 . 4 0 .
(b) 3.00.
(c) 0.33.
(d) 0.42.
(e) 12.00.

45. Sebuah mesin dengan anggaran usia guna selama 6 tahun sedang di susutnilaikan atas kaedah garis lurus. Selepas merekod susutnilai diakhir tahun ke 3, baki akaun susutnilai terkumpul adalah RM6,000. Berapakah belanja susutnilai bagi tahun ke 4?
- (a) RM1,000.
(b) RM1,500.
(c) RM2,000.
(d) RM3,000.
(e) Tidak dapat ditentukan daripada maklumat diberikan.
46. Sesuatu **aset** yang boleh disusutnilaikan dilaporkan dalam kunci kira-kira pada:
- (a) kos **asal** tolak susutnilai tericumpul.
(b) kos **asal** tolak susutnilai tahun semasa.
(c) kos **asal** dilaraskan **mengikut nilai pasaran** semasa.
(d) nilai buku dilaraskan untuk perbezaan kos gantian.
(e) tiada jawapan betul.
47. Pengubahsuaian kepada **aset** loji adalah perbelanjaan modal kerana ianya:
- (a) adalah kebiasaanya dalam amaun yang besar.
(b) menambahkan kualiti perkhidmatan diperolehi daripada **aset** tersebut.
(c) menambahkan kualiti perlchidmatan melebihi anggaran asalnya.
(d) dua jawapan di **atas** adalah betul.
(e) tiada jawapan betul.
48. Perbelanjaan hasil didebitkan kepada:
- (a) akaun **hasil**.
(b) akaun belanj a.
(c) akaun **aset**.
(d) akaun susutnilai terkumpul.
(e) tiada jawapan betul.
49. Pengunaan akaun kawalan akaun belum bayar adalah:
- (a) mengurangkan bilangan akaun dalam lejar subsidiari.
(b) mengurangkan jumlah bilangan akaun dikendalikan.
(c) mengurangkan bilangan **catatan** dalam jumal am.
(d) mengurangkan bilangan akaun dalam lejar am.
(e) menambahkan bilangan kolumn dalam jurnal.

50. Selain merekod pembelian aset loji, catatan juga hendaklah dibuat bagi merekod:
- (a) susutnilai.
 - (b) perbelanjaan-perbelanjaan berhubung dengannya.
 - (c) penghapusan.
 - (d) kesemua jawapan (a), (b) dan (c).
 - (e) pelunasan.
51. Faktor yang mempengaruhi jumlah belanja susutnilai apabila mengamalkan kaedah unit pengeluaran termasuklah:
- (a) anggaran nilai sisaan.
 - (b) nilai buku.
 - (c) nilai pasaran saksama.
 - (d) senarai harga apabila baru.
 - (e) tiada jawapan yang betul.
52. Sesuatu anggaran nilai sisaan yang tidak diperlukan bagi mengira susutnilai di dalam tahun pertama adalah dengan menggunakan kaedah
- (a) garis lurus.
 - (b) baki berkurangan berganda.
 - (c) jumlah angka tahun.
 - (d) unit pengeluaran.
 - (e) semua kaedah di atas boleh digunakan.
53. Kaedah susutnilai manakah tidak mempertimbangkan tahun dalam usiagunanya?
- (a) Garis lurus.
 - (b) Baki berkurangan berganda.
 - (c) Unit Pengeluaran.
 - (d) Jumlah angka tahun.
 - (e) Tiada jawapan betul.
54. Hula HyperMart membeli harta benda sebanyak RM100 juta. Harta benda termasuklah tanah, bangunan dan lot meletak kenderaan. Bangunan dinilaikan sebanyak RM65 juta, tanah RM40 juta dan lot meletak kenderaan RM10 j uta. Nilai tanah yang akan direkod ke dalam buku adalah:
- (a) RM56,522,000.
 - (b) RM34,783,000.
 - (c) RM40,000,000.
 - (d) RM36,364,000.
 - (e) RM48,696,000.

55. Di akhir tahun pertama beroperasi, Tango HyperMart mempunyai baki-baki berikut: Akaun belum terima RM200; Akaun belum bayar RM300 dan inventori-i RM500. Tango HyperMart melaporkan pendapatan bersih RM650 bagi tahun. Aliran tunai bersih dari aktiviti kendalian hendaklah dilaporkan sebagai:
- (a) RM1,050.
(b) RM850.
(c) RM1,650.
(d) RM250.
(e) RM200.
56. Lembaga pengarah Techno HyperMart telah mengisyiharkan dividen tunai 75 sen sesaham. Techno HyperMart mempunyai 15,000 saham dibenarkan, 10,000 saham terterbit dan 9,500 saham diterbitkan. Jumlah dividen adalah:
- (a) RM7,500.
(b) RM7,125.
(c) RM5,625.
(d) RM3,750.
(e) RM375.
57. Baki permulaan Steve dalam perolehan tertahan adalah RM430,000. Pendapatan bersih Steve RM60,000 dan dividen dibayar adalah RM56,250. Baki akhir perolehan tertahan adalah:
- (a) RM1,086,250.
(b) (RM126,250).
(c) RM113,750.
(d) RM433,750.
(e) (RM113,750).
58. Syarikat Umi menterbitkan 15% saham dividen pada 1 November. Maklumat berikut telah diberikan:

| | |
|-----------------------|-----------|
| Perolehan tertahan | RM750,000 |
| Saham diterbitkan | 10,000 |
| Nilai pasaran sesaham | RM15 |
| Nilai par sesaham | RM5 |
| Saham terterbit | 12,000 |

Berapakah jumlah dividen yang perlu di bayar kepada pemegang saham?

- (a) RM7,500.
(b) (RM9,000).
(c) RM22,500.
(d) (RM27,000).
(e) RMO.

59. Syarikat Tracy menggunakan kaedah garis lurus dalam susutnilainya bagi kelengkapan yang berharga RM120,000. Nilai tukar beli adalah RM20,000 dan usiagunanya adalah selama 5 tahun. Diakhir tahun ketiga, nilai tukar beli dikurangkan ke RM12,000 dan usiaguna ditambahkan ke 6 tahun. Tentukan jumlah susutnilai yang akan dikenakan keatas kelengkapan dalam setiap tahun yang tinggal.
- (a) RM10,000.
(b) RM18,000.
(c) RM14,670.
(d) RM16,000.
(e) RM21,600.
60. Nisbah pusing ganti jumlah aset sebanyak 3.5 menunjukkan:
- (a) bagi setiap jualan RM1, syarikat mendapat RM3.50 aset dalam tahun.
(a) bagi setiap RM1 dalam aset, syarikat menjana RM3.50 dalam jualan bersih semasa dalam tahun.
(c) bagi setiap RM1 dalam aset, syarikat memperolehi keuntungan kasar RM3.50 semasa dalam tahun.
(d) bagi setiap RM1 dalam aset, syarikat memperolehi RM3.50 dalam perolehan sesaham.
(e) bagi setiap RM1 dalam aset, syarikat membayar RM3.50 dividen sesaham.
61. Sebuah mesin bermilai RM180,000 dianggarkan bermilai sisaan RM30,000 dan mempunyai usiaguna selama 5 tahun. Mesin disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus. Di awal tahun ke-4 selepas susutnilai direkodkan selama 3 tahun, mesin dianggarkan mempunyai usiaguna selama 4 tahun dan dijangkakan bermilai sisaan sebanyak RM30,000. Berapakah susutnilai tahunan selepas semakan ini?
- (a) RM7,500.
(b) RM15,000.
(c) RM18,000.
(d) RM21,430.
(e) RM20,000.
62. Sebuah syarikat mempunyai nisbah semasa 2:1 diakhir tahun 2000. Yang manakah urusniaga berikut akan meningkatkan nisbah ini?
- (a) Jualan bon belum bayar pada harga diskau.
(b) Pengisytiharan dividen saham 50%.
(c) Kutipan akaun belum terima yang banyak.
(d) Meminjam tunai dari bank melalui nota belum bayar selama 6 bulan.
(e) Belian sekuriti boleh pasar.

63. Catatan jurnal yang diperlukan bagi mewujudkan dana tunai runcit adalah:
- (a) debit kepada tunai.
 - (b) kredit kepada tunai.
 - (c) debit kepada tunai runcit.
 - (d) kredit kepada tunai runcit.
 - (e) (b) dan (c).
64. Kaedah inventori yang diterima termasuklah:
- (a) masuk Dahulu Keluar Dahulu.
 - (b) masuk Kemundian Keluar Dahulu.
 - (c) pengenalan Tertentu.
 - (d) purata Wajaran.
 - (e) kesemua diatas.
65. Jumlah **aset** Syarikat Amalia adalah RM425 juta, jumlah liabiliti RM110 juta dan ekuiti pemegang saham adalah RM315 juta. Berapakah nisbah hutang Syarikat Amalia?
- (a) 38.6%.
 - (b) 13.4%.
 - (c) 34.9%.
 - (d) 25.9%.
 - (e) 14.9%.
66. Yang **manakah** daripada berikut akan didebitkan kepada akaun belanja?
- (a) RM4,000 digunakan untuk “overhaul” enjin yang telah menambahkan anggaran usiagunanya selama 4 **tahun**.
 - (b) Membeli kenderaan baru untuk digunakan oleh pemilik perniagaan.
 - (c) Pemasangan peralatan kawalan automatik ke atas mesin kilang.
 - (d) RM3,200 dibelanjakan **bagi** membaiki motor mesin. Perbelanjaan tidak menambahkan usiagunanya daripada anggaran asal.
 - (e) Menukar ganti mesin lama dengan model yang lebih moden.
67. Aset loji adalah:
- (a) **aset-aset** ketara yang digunakan dalam pengendalian sesuatu pembiagaan dan usiaguna nya lebih dari satu tempoh perakaunan.
 - (b) **aset** semasa.
 - (c) **aset** jangka pendek.
 - (d) **aset-aset tak** ketara digunakan dalam kendalian pembiagaan dan usiagunanya adalah melebihi satu tempoh perakaunan.
 - (e) **aset-aset** ketara digunakan dalam pengendalian pembiagaan pembiagaan dan mempunyai usiaguna yang kurang dari satu tempoh perakaunan.

68. Pembelian saham-saham merupakan **daya tatikan** kepada pelabur-pelabur kerana:
- (a) pemegang-pemegang saham bukan bertanggung jawab ke atas tindakan dan hutang syarikat.
 - (b) saham senang bertukar **tangan**.
 - (c) hayat syarikat tidak terhad.
 - (d) pemegang saham bukanlah agen syarikat.
 - (e) kesemua diatas.
69. Jumlah **tunai** dan lain-lain **aset** diterima oleh syarikat daripada pemegang sahamnya sebagai pertukaran untuk saham **biasa** adalah:
- (a) saham tiada nilai par.
 - (b) saham nilai tertera.
 - (c) modal sumbangan.
 - (d) perolehan tertahan.
 - (e) ekuiti pemegang saham.
70. Belanja kad kredit boleh dikatakan sebagai:
- (a) suatu diskaun yang ditolak dari jualan **bagi** memperolehi jualan bersih.
 - (b) suatu belanja jualan.
 - (c) suatu belanja pentadbiran.
 - (d) kesemua diatas.
 - (e) jawapan (b) dan (c) sahaja.
71. Aktiviti yang melibatkan pengeluaran ataupun belian barang serta melibatkan jualan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan termasuk perbelanjaan berkaitan kepada mentadbir pembiayaan adalah:
- (a) aktiviti pembiayaan.
 - (b) aktiviti pelaburan.
 - (c) aktiviti kendalian.
 - (d) aktiviti langsung.
 - (e) aktiviti tidak langsung.
72. Laporan kewangan hendaklah memberi maklumat yang akan membantu pelabur dan akaun **belum** bayar meramalkan:
- (a) Pendapatan bersih masa depan sesuatu entiti.
 - (b) Aliran **tunai** depan sesebuah entiti.
 - (c) Bayaran cukai masa depan sesebuah entiti.
 - (d) Potensi untuk sesebuah entiti.
 - (e) Jawapan lain.

73. Sekiranya perbelanjaan hasil tersilap didebitkan kepada akaun aset loji:
- (a) hasil **bagi** tempoh semasa akan terkurang **catat**.
 - (b) pendapatan bersih tempoh semasa akan terlebih **catat**.
 - (c) pendapatan bersih di tempoh akan **datang** tidak akan terlibat di atas kesilapan ini.
 - (d) belanja **bagi** tempoh semasa adalah terlebih **catat**.
 - (e) tiada jawapan betul.
74. Pelaburan **tanah** oleh pemilik ke dalam pemiagaan akan:
- (a) menambahkan liabiliti.
 - (b) mengurangkan **aset**.
 - (c) mengurangkan ekuiti pemilik.
 - (d) menambahkan **aset bersih**.
 - (e) menambahkan liabiliti semasa.
75. Saham terutama dimana hak **bagi mendapat** dividen dilucut bagi mana-mana tahun dividen tidak diisyiharkan adalah:
- (a) saham terutama mengambil bahagian.
 - (b) saham terutama boleh dipanggil.
 - (c) saham terutama kumulatif.
 - (d) saham terutama boleh tukar.
 - (e) saham terutama bukan kumulatif.
76. Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi oleh pemilik akan:
- (a) mengurangkan jumlah **aset dan** menambahkan liabiliti.
 - (b) menambahkan ekuiti pemilik dan menambahkan jumlah **aset**.
 - (c) mengurangkan jumlah **aset dan** menambahkan ekuiti pemilik.
 - (d) mengurangkan jumlah **aset dan** mengurangkan ekuiti pemilik.
 - (e) menambahkan jumlah **aset dan** menambahkan ekuiti pemilik.
77. Suatu pemiagaan menerima bil utilitinya bagi bulan ini dan bercadang membayar bulan depart. Urusniaga akan mengakibatkan:
- (a) pertambahan dalam kedua-dua **aset dan liabiliti**.
 - (b) pengurangan dalam kedua-dua ekuiti pemilik dan liabiliti.
 - (c) pengurangan dalam **aset dan** pertambahan dalam liabiliti.
 - (d) pertambahan dalam liabiliti dan pengurangan dalam ekuiti pemilik.
 - (e) pengurangan dalam liabiliti dan pertambahan dalam ekuiti pemilik.

78. Yang manakah daripada urusniaga berikut akan menambahkan dan juga mengurangkan sesuatu **aset**?

- (a) Ambilan tunai oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.
- (b) Meminjam wang daripada bank.
- (c) Memberi perkhidmatan dan menerima tunai serta merta.
- (d) Membeli bekalan pejabat secara tunai.
- (e) Membayar cukai pendapatan dengan cek.

79. Syarikat pembarangan memiliki penyata pendapatan lebih **rumit** daripada syarikat perkhidmatan kerana:

- (a) syarikat pembarangan lebih besar daripada syarikat perkhidmatan.
- (b) syarikat perkhidmatan mengendalikan urusniaga yang melibatkan banyak tunai.
- (c) penyata pendapatan syarikat perkhidmatan tidak mempunyai seksyen kos barangniaga dijual .
- (d) syarikat pembarangan membenarkan syarat kredit lebih fleksibel daripada syarikat perkhidmatan.
- (e) urusniaga syarikat pembarangan adalah tertakluk kepada pesanan melalui saluran elektronik.

80. Dalam setiap dari kes berikut, gunakan maklumat tentang operasi Valli bagi mengira **aliran tunai**.

| | | |
|--------|-----------------------------------|----------|
| Kes A: | Kira tunai diterima dari dividen | ? |
| | Hasil dividen | RM14,900 |
| | Dividen belum terima, 1 Januari | 1,300 |
| | Dividen belum terima, 31 Disember | 1,700 |

| | | |
|--------|--|----------|
| Kes B: | Kira tunai dibayar untuk upah dan gaji | ? |
| | Belanja gaji | RM84,000 |
| | Gaji belum bayar, 1 Januari | 3,200 |
| | Gaji belum bayar, 31 Disember | 5,300 |

- (a) Kes A = RM14,500; Kes B = RM81,900.
- (b) Kes A = RM15,300; Kes B = RM86,100.
- (c) Kes A = RM14,500; Kes B = RM86,100.
- (d) Kes A = RM15,300; Kes B = RM81,900.
- (e) Kes A = RM14,900; Kes B = RM84,000.

81. Seorang pelanggan membeli barangniaga pada 8 Februari diatas diskaun tunai bersyarat **2/10, n/30**. hari akhir pelanggan boleh membayar bilnya dan masih sempat mendapat diskaun tunai adalah:

- (a) 8 Februari.
- (b) 10 Februari.
- (c) 17 Februari.
- (d) 18 Februari.
- (e) 19 Februari.

82. Imbangan **duga** menyenaraikan inventori barang awal RM200,000 dan kos bersih belian telah dikira sebanyak RM800,000. Sekiranya suatu perkiraan fizikal menunjukka RM150,000 inventori akhir, berapakah jumlah kos barangniaga dijual?
- (a) RM850,000.
(b) RM1,000,000.
(c) RM950,000.
(d) RM1,050,000.
(e) Jumlah lain.
83. Sekiranya perbelanjaan hasil tersilap didebitkan kepada akaun aset loji:
- (a) hasil **bagi** tempoh semasa akan terkurang catat.
(b) pendapatan bersih tempoh semasa akan terlebih catat.
(c) Pendapatan bersih ditempoh akan dating tidak akan terlibat diatas kesilapan ini.
(d) belanja **bagi** tempoh semasa adalah terlebih catat.
(e) jawapan lain.
84. Penilaian prestasi syarikat **termasuklah**:
- (a) prestasi yang lampau.
(b) prestasi semasa.
(c) kedudukan kewangan semasa.
(d) prestasi akan dating dan risiko.
(e) kesemua diatas.
85. Aset semasa tolak liabiliti semasa dipanggil:
- (a) margin keuntungan.
(b) keumpilan kewangan.
(c) nisbah semasa.
(d) modal bekerja.
(e) **aset** cepat.
86. Yang manakah **dari** berikut adalah kos campuran?
- (a) Kos utiliti
(b) **Buruh** langsung.
(c) Gaji penyeliaan.
(d) Bahan **tidak** langsung.
(e) Susutnilai garis lurus.

87. Keupayaan bagi memenuhi tnggungan jangka pendek dan boleh menjana hasil dengan berkesan dipanggil:
- (a) kecairan dan effisiensi
 - (b) kemampuan bayar.
 - (c) keberuntungan.
 - (d) pasar.
 - (e) kepercayaan kredit.
88. Yang manakah dari berikut adalah kos tetap?
- (a) Kos bahan langsung.
 - (b) Kos buruh langsung.
 - (c) Susutnilai mesin.
 - (d) Kos elektrik.
 - (e) Kos bekalan kilang.
89. Suatu pendapatan sasaran adalah:
- (a) pendapatan dititik pulang modal.
 - (b) pendapatan dari tempoh paling terkini.
 - (c) pendapatan yang dirancang untuk tempoh akan datang.
 - (d) penlapatan dalam hanya keadaan produk pelbagai.
 - (e) pendapatan pada margin sumbangan minimum.
90. Syarikat Tie menggunakan sistem perakaunan am. Maklumat berikut adalah bagi tahun berakhir 31 Disember.

| | |
|------------------------------|---------|
| Inventori bahan mentah awal | RM2,500 |
| Belian bahan mentah | 4,000 |
| Inventori bahan mentah akhir | 3,000 |
| Belanja bekalan pejabat | 1,000 |

Berpandukan maklumat diatas, jumlah bahan mentah digunakan dalam pengeluaran bagi tahun adalah:

- (a) RM4,100.
- (b) RM5,100.
- (c) RM3,500.
- (d) RM6,500.
- (e) RM1,000.

91. Sebagai perbandingan sistem perakaunan am bagi syarikat perkilangan, sistem perakaunan kos meletakkan penekanan ke atas:
- (a) pengiraan inventori berkala.
 - (b) jurnal kos.
 - (c) unit kos dan kawalan.
 - (d) produk **dan** purata kos.
 - (e) pengendalian volum besar melibatkan produk berpiawaian.
92. Kos tetap sebuah syarikat adalah RM60,000. kadar sumbangan adalah 30% dan salah satu produknya dijual dengan harga RM50. Berapakah titik pulang modal dalam ringgit?
- (a) RM4,000.
 - (b) RM85,714.
 - (c) RM120,000.
 - (d) RM140,000.
 - (e) RM200,000.
93. Belanjawan adalah penyata formal:
- (a) perancangan semasa.
 - (b) perancangan masa akan dating.
 - (c) perancangan yang lepas.
 - (d) jawapan (a) **dan** (b).
 - (e) jawapan (a) dan (c).
94. Langkah pertama dalam penyediaan belanjawan induk dalam **ramalan** adalah:
- (a) perbelanj **aan**.
 - (b) jualan.
 - (c) pengeluaran.
 - (d) penerimaan **tunai**.
 - (e) keperluan **tunai**.
95. Apabila menyedia belanjawan **tunai**, kesemua dari berikut hendaklah dipertimbangkan kecuali:
- (a) **penerimaan tunai** dari pelanggan.
 - (b) bayaran **untuk** barang.
 - (c) belanja susutnilai.
 - (d) bayaran cukai pendapatan.
 - (e) bayaran perbelanjaan modal.

96. Keperluan bagi catatan pelarasan berdasarkan atas:
- (a) perakaunan asas tunai.
 - (b) prinsip kos.
 - (c) prinsip pemadanan.
 - (d) pengeluaran imbangan duga.
 - (e) jawapan lain.
97. Langkah-langkah dalam kitaran perakaunan dilakukan:
- (a) hanya diakhiri tempoh perakaunan.
 - (b) hanya sepanjang tempoh perakaunan, tetapi bukan diakhirnya.
 - (c) kedua-dua sekali, sepanjang tempoh perakaunan dan diakhiri tempoh perakaunan.
 - (d) hanya apabila penyata kewangan akan disediakan.
 - (e) jawapan lain.
98. Akaun dividen bertambah sebelah debit dan berkurangan disebelah kredit:
- (a) kerana ianya salah satu bentuk belanja.
 - (b) ianya berkaitan dengan peraturan khas debit-kredit yang meliputi akaun ekuiti pemegang saham.
 - (c) hanya untuk membuat persamaan seimbang.
 - (d) kerana debit merupakan pengurangan dalam perolehan tertahan dan kredit pula merupakan pertambahan dalam perolehan tertahan.
 - (e) jawapan lain.
99. Yang manakah dari akaun-akaun berikut tidak akan ada dalam kolumn penyata pendapatan lembaran kerja?
- (a) Belanja susutnilai.
 - (b) Dividen.
 - (c) Hasil faedah.
 - (d) Belanja faedah.
 - (e) Faedah belum perolehi.
100. Jumlah perolehan sesaham dilaporkan untuk:
- (a) pendapatan bersih.
 - (b) operasi tidak diteruskan.
 - (c) perkara-perkara luar biasa.
 - (d) kesemua jawapan adalah betul.
 - (e) kesemua jawapan adalah salah.

[100 markah]